

MUJAHID YUSOF



Kita kan Orang Malaysia

0.09595
MUJ

Kisah perjuangan menyatukan masyarakat
pelbagai kaum di Malaysia





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kita Kan Orang Malaysia

Kisah perjuangan menyatukan masyarakat
pelbagai kaum di Malaysia

oleh

MUJAHID YUSOF

PUSTAKA PERDANA



1008530

Diterbitkan oleh

Media Icon Sdn Bhd (703648-T)

2010





Kita Kan Orang Malaysia
 ISBN: 978-983-44689-5-8
 © Media Icon Sdn Bhd 2010
 Cetakan pertama 2010

Hak cipta terpelihara. Selain petikan ringkas untuk ulasan, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa juga bentuk, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain melainkan mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Media Icon Sdn Bhd, 22C, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan pada 2010 oleh
 Media Icon Sdn Bhd,
 22C Jalan Pahang Barat,
 Off Jalan Pahang,
 53000 Kuala Lumpur, Malaysia.
editorsiasah@gmail.com

Dicetak oleh
 Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd
 Lot 6, Jalan Tukang,
 16/4 Seksyen 16,
 Shah Alam, Selangor



Kandungan

| | |
|---|------|
| Kata Pengantar | iv |
| Kata Pengantar Penyunting | vi |
| Prakata Penulis | viii |
| | |
| Bab 1 : Saya Melayu: Keramat dan kontroversi | 1 |
| Bab 2 : Debat Melayu | 10 |
| Bab 3 : Pembentukan diri saya | 19 |
| Bab 4 : Alam politik | 36 |
| Bab 5 : Perjuangan perpaduan | 56 |
| Bab 6 : Proses Kelab Penyokong PAS menjadi Dewan Himpunan Penyokong PAS | 70 |
| Bab 7 : Perjuangan di Parit Buntar | 76 |
| Bab 8 : Tugas sebagai Wakil Rakyat | 86 |
| Bab 9 : Menggenggam harapan menggapai impian | 101 |
| | |
| Hubungan Antara Agama | |
| Bab 10 : Hadiah tahun baru 2010 | 111 |

Kata Pengantar

SYUKUR kepada Allah Yang Maha Berkuasa dan tahniah kepada Saudara Mujahid (Yusof) Rawa atas kejayaannya menghasilkan satu memoir awalnya bertajuk *KITA KAN ORANG MALAYSIA* yang mencatatkan membawa warga bukan Islam ke dalam keluarga PAS dan penampilan awalnya gerakan politik Islam yang mulai berputik sejak di bangku sekolahnya.

Karya berbentuk memoir dan autobiografi seorang aktivis masyarakat amat besar nilainya di hari muka bagi para penyelidik untuk mengkaji sejarah dan perjuangan sesebuah masyarakat dan wadah gerakan yang telah lalu dan sedang berkembang. Ia menjadi bahan penting generasi terkemudian bagi mamahami suasana yang terdahulu.

Kita Kan Orang Malaysia adalah catitan usaha PAS untuk mendekati masyarakat bukan Islam Malaysia dan membawanya ke dalam keluarga dan masyarakat PAS supaya bersama mengharung badai mengarak obor menegak keadilan nasional seperti yang dituntut Islam.

Perlunya masyarakat bukan Islam diambil kira dalam membentuk masyarakat Malaysia yang satu telah disedarkan oleh Almarhum Haji Ahmad Fuad semasa PAS baru saja diasaskan dan usaha menjadikan mereka ahli bersekutu PAS pernah dibawa ke muktamar oleh Al-Marhum Prof. Zulkifli Mohamad yang menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung semasa pimpinan Dr. Burhanuddin

Al-Hilmy. Tembok yang menghalang PAS bekerjasama dengan masyarakat bukan Islam telah dipecahkan di zaman pimpinan Almarhum Haji Yusof Rawa dan perbincangan untuk membuka PAS kepada masyarakat terbuka semua kaum dan penganut agama dihidupkan semula di bawah pimpinan Almarhum Ustaz Fadzil Noor dan ia dapat disempurnakan di bawah pimpinan Tuan Guru Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam tahun 2010.

Mujahid menyambung kerja-kerja awal yang dimulakan semasa pimpinan bersama Haji Yusof Rawa–Fadzil Noor dan berjaya melengkapkan PAS sebagai wadah umat–rakyat untuk semua bagi menegakkan keadilan Islam untuk semua.

Percubaan bermula dengan menggalakkan pembentukan CCC tahun 1985. Kemudian mengambil pendekatan kewujudan kelab-kelab parti politik nasional di seberang laut dan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di Parlimen lalu membentuk Kelab Penyokong PAS. Setelah ia dilihat begitu selesa, maka ia ditingkatkan menjadi Dewan Himpunan Penyokong PAS tahun 2010.

Mujahid yang diberi amanah memainkan peranan besar itu adalah satu-satu anak pemimpin PAS yang dapat bertapak dalam pimpinan PAS Pusat, bukan melalui payung terjun tetapi memanjat tangga demokrasi yang menjadi amalan PAS. Moga-moga ia permulaan bagi lain-lain anak pemimpin PAS untuk tampil menggantikan bapa mereka.

Saya teringat dalam satu majlis keluarga Haji Yusof Rawa di Kuala Lumpur semasa Mujahid baru pulang dari pengajiannya di Al-Azhar, selepas solat Maghrib berjamaah yang diimamkan oleh Almarhum memperkenalkan putera bungsunya itu untuk memberi tazkirah dengan menyebutnya Saudara Mujahid Rawa. Dipercayai Mursyidul Am PAS yang pertama itu mahu puteranya dikenal sebagai Mujahid Rawa sebagaimana orang mengenalinya sebagai Haji Yusof Rawa. Pemimpin PAS itu tentunya amat bahagia justeru anaknya dapat mengikut jejaknya.

Akhu kum fil Islam

SUBKY ABDUL LATIF

Pinggir Padang Balang, Kuala Lumpur.

22 Rejab 1431 / 05 Julai 2010

Kata Pengantar Penyunting

PENDEBATAN tentang kaum di Malaysia telah mencapai ke kemuncaknya. Terbukti dalam sejarah, perdebatan ini telah menghasilkan pertumpahan darah melalui peristiwa 13 Mei 1969. Ia berlaku kerana isu ini disalahgunakan dan dijadikan sentimen oleh sesetengah pihak.

Di pihak kerajaan, Biro Tata Negara (BTN) telah ditubuhkan kononnya untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang Malaysia. Namun, setelah berjalan terbukti ia digunakan untuk mengapi-apikan semangat Melayu di kalangan rakyat.

Selepas pilihan raya umum 2008, apabila kerajaan BN hilang kuasa majoriti di Dewan Rakyat di samping hilang lima negeri kepada Pakatan Rakyat, Perkasa ditubuhkan. Yang menariknya, Perkasa yang menjadi pejuang Melayu seolah-olah bertembung dengan konsep Satu Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Di pihak parti pembangkang pula, DAP sejak sekian lama memperjuangkan dasar '*Malaysian Malaysia*' atau Malaysia untuk orang Malaysia. Ia ditentang hebat oleh Umno yang tetap mahukan dasar ketuanan Melayu di negara ini.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) pula menjadi parti pelbagai kaum dengan menjadikan Melayu sebagai pemimpin utamanya sesuai dengan majoriti penduduk negara ini adalah Melayu.

Di pihak PAS pula, usaha untuk mendekatkan parti itu dengan

orang bukan Islam berterusan sejak tahun 1980an lagi. Chinese Consultative Council (CCC) telah ditubuhkan untuk menjadi jambatan antara ahli PAS dengan orang bukan Islam. Namun ia tidak bertahan lama.

Namun, usaha itu tidak mati begitu sahaja. Usaha untuk mendekatkan PAS dengan orang bukan Islam berterusan. Beberapa tahun lalu, PAS menubuhkan Lajnah Perpaduan Nasional bagi menggarap usaha ini. Mujahid Yusof anak bekas Mursyidul Am PAS yang pertama, Haji Yusof Rawa, diamanahkan menerajui lajnah ini.

Ekoran itu, Mujahid menubuhkan Kelab Penyokong PAS yang menjadi jambatan baru antara PAS dan bukan Islam. Hasilnya, ketika orang Cina dan India mahu lari dari BN dalam pilihan raya 2008, KPP berjaya membawa mereka kepada PAS. Kesannya ramai anggota Parlimen yang berjaya dihantar oleh PAS melalui KPP ini. Mulai Mei 2010, KPP telah berjaya diubah kepada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) yang dengan sendiri membawa orang bukan Islam menjadi ahli PAS.

Buku ini sedikit sebanyak menceritakan latar belakang dan salah silah perjuangan besar ini. Ia dikarang sendiri oleh Mujahid Yusof, orang penting di belakang usaha ini.

ZULKIFLI SULONG

ISMAIL HASHIM

Penyunting

Prakata Penulis

BUKU yang anda sedang tatapi ini ditulis sebagai catatan yang saya rakamkan sepanjang penglibatan saya dalam alam politik. Bahagian awal banyak mencatatkan bagaimana suasana keluarga membentuk saya dan suasana keliling yang mempengaruhi saya dan gaya serta pandangan saya tentang kehidupan berbagai kaum.

Catatan saya dibuat secara bersantai dan saya cuba untuk mengupas sesuatu isu besar negara dengan membawa kisah-kisah yang ada kaitan dengan isu perpaduan yang saya alami secara peribadi dan apa yang saya lihat berlaku dalam suasana keluarga saya sendiri. Ia berguna untuk dijadikan sebagai bahan cerita betapa perpaduan hakikatnya adalah penghayatan kepada makna kesetiaan, keakraban dan kasih sayang. Saya cuba menggambarkan ada aspek perpaduan antara kaum yang boleh dilakukan tanpa buat-buat atau berpura-pura untuk mencapai sesuatu penghayatan. Ia berlaku secara semulajadi dalam suasana timbal-balik keperluan-keperluan kehidupan yang dilakukan secara tanggungjawab, ikhlas dan penuh kesetiaan.

Saya juga mengupas isu Melayu tetapi dalam perspektif yang mudah difahami dan kaitannya dengan pembentukan sebuah negara yang bercita-cita untuk menjadikan Malaysia syurga untuk semua. Persoalan-persoalan perkauman sempit dihuraikan melalui catatan yang saya gambarkan dalam dialog, forum dan debat yang saya